

Malaysia tidak percaya lagi

Oleh Kamal Ahmad dan Khalid Amin

BH 12 JAN 1993

(P)
KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia hilang kepercayaan kepada negara maju yang menguasai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang selama ini mendakwa mereka sebagai pejuang hak asasi manusia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara berkenaan sanggup menyerang negara tertentu kononnya menegakkan prinsip kemanusiaan dan demokrasi. Mereka juga membiarkan keganasan di Bosnia-Herzegovina.

"Sebab itu mereka sanggup berperang dengan Iraq dan negara-negara lain. Mereka juga hendak memeriksa sama ada Nicaragua atau Panama mengamalkan prinsip-prinsip kemanusiaan," katanya selepas merasmikan Lebuhraya Baru Lembah Klang di Plaza Tol Jalan Duta, di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas tindakan puak Serb membunuh Timbalan Perdana Menteri Bosnia, Hakija Turajlic,

Jumaat lalu dan kemungkinan pihak yang berperang di Bosnia-Herzegovina menarik diri daripada rundingan damai di Geneva yang tertangguh sejak seminggu lalu.

Turajlic ditembak oleh pengganas Serb ketika dalam perjalanan ke Sarajevo.

Dr Mahathir berkata, apa yang jelas sekarang ialah negara-negara maju yang sering melaung-laungkan prinsip kemanusiaan itu hanya akan berbuat sesuatu sekiranya mereka percaya tindakan berkenaan tidak akan membinasakan mereka.

"Kita hilang kepercayaan, kerana apa yang kita nampak ialah mereka (Barat) hanya akan berbuat demikian apabila mereka tidak akan binasa. Pada masa itu barulah prinsip kemanusiaan akan mendorong tindakan mereka.

"Sementara mereka sanggup menempatkan pesawat pejuang di Iraq, kerana kononnya orang Iraq membinasakan kaum Syiah, tetapi yang kita

nampak di Bosnia, lebih 50,000 wanita dirogol oleh pengganas Serb.

"Bagi mereka terlalu bahaya untuk menentang Serbia kerana khuatir dua atau tiga orangnya terbunuh mereka tidak sanggup mendukung prinsip mereka.

"Oleh itu, kita hilang kepercayaan kepada cakap-cakap begini yang menyebabkan mereka memeriksa sama ada di Malaysia ini ada pencabulan hak asasi manusia atau tidak," katanya.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya kerajaan negara ini sanggup membunuh siapa saja di negara ini, Barat tidak akan bertindak apa-apa.

Diminta mengulas tindakan pemimpin Bosnia-Herzegovina menarik diri daripada rundingan di Geneva, Dr Mahathir berkata: "Kalau saya menjadi pemimpin Bosnia pun, saya tarik diri.

"Barat hanya pandai bercakap, tetapi tidak bertindak. Mereka bercakap mengenai hak asasi manusia dan demokrasi

sepanjang masa tetapi tidak berani bertindak ke atas pengganas Serb," katanya.

Mengulas kesanggupan Malaysia menghantar pasukan tentera ke Bosnia Herzegovina, beliau berkata: "Kita sanggup hantar kalau PBB sanggup taja. Tetapi mahu menghantar tentera Malaysia ke tempat di mana mereka boleh disembelih bulat-bulat, itu tidak patut pada kita."

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan pembunuhan Turajlic sebagai tindakan pengecut dan wajar dikutuk.

Katanya, pembunuhan kejam itu juga adalah perbuatan sabotaj yang bertujuan menghalang rundingan damai yang sedang diusahakan oleh pelbagai pihak.

"Malaysia kesal terhadap pembunuhan itu kerana ia bukan saja tidak bermaruah malah boleh menjejaskan usaha masyarakat antarabangsa menyelesaikan peperangan," katanya